

17 NOV 1996

Mahathir-Pas

PAS-UMNO BOLEH BENTUK KERAJAAN CAMPURAN TETAPI BERSYARAT, KATA PM

KUALA LUMPUR, 17 Nov (BERNAMA) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata PAS dan Umno boleh membentuk kerajaan campuran di Kelantan tetapi dengan syarat parti itu tidak harus memaksa UMNO mengikut semua kehendaknya.

"Dia nak kerajaan campuran, kita boleh terima tetapi dia kena ikut pandangan majoriti, bukan pandangan dia saja," katanya kepada pemberita sekembalinya dari lawatan 16 hari ke luar negara.

Perdana Menteri berkata PAS juga harus ikhlas dan tidak harus mengganggu Umno tidak Islam.

Beliau juga berkata Umno bersedia berbincang dengan PAS mengenai kerajaan campuran di Kelantan tetapi PAS harus mengemukakan cadangan mengenai perkara itu terlebih dahulu.

Mengenai cadangan PAS untuk mengambil tindakan mahkamah terhadap Sultan Kelantan, beliau berkata: "Kita ada mahkamah dan jika ada undang-undang telah dicabul, tindakan mahkamah boleh diambil."

Dr Mahathir berkata, Umno harus dari awal menentukan syarat bagi mewujudkan kerajaan campuran yang dicadangkan Pas itu bagi mengelak peristiwa silam daripada berulang.

Katanya, semasa Pas berada dalam Barisan Nasional pada 70-an, parti itu menggunakan kedudukannya untuk kepentingan diri hingga ada golongan peneroka menentang kerajaan.

"Kita wujudkan rancangan tanah seperti Felda untuk memberi tanah kepada golongan yang tiada tanah tetapi bila dilantik menteri daripada Pas untuk menguruskan hal ehwal mengenainya, kita dapati peneroka Felda jadi penyokong Pas dan menentang kerajaan," katanya.

Bila ditanya adakah cadangan kerajaan campuran itu sebagai angan-angan dan tidak mungkin tercapai, Dr Mahathir berkata: "Sebelum ini juga ada angan-angan seperti Parti Melayu Semangat 46 bubar dan menyertai Umno dan angan-angan kita jadi negara industri sudahpun menjadi kenyataan."

Apabila ditanya sama ada syarat Pas yang mahu dasarnya untuk menegakkan pemerintahan Kelantan berteraskan Islam tidak diubah memungkinkan kerajaan campuran itu menjadi kenyataan, Dr Mahathir berkata: "Ini menunjukkan Pas ada keinginan tetapi keiklasan tidak ada."

Menteri besar, Datuk Aziz Nik Mat semalam berkata beliau setuju dengan cadangan penubuhan kerajaan campuran Pas-Umno tetapi ia harus berlandaskan Islam dan semua program berbentuk Islam yang telah dilaksanakan oleh Pas diteruskan dengan lebih mantap lagi.

Dr Mahathir juga tidak menolak kemungkinan pelawaan Pas mewujudkan kerajaan campuran itu untuk mempergunakan Umno dalam menyelesaikan krisis yang dihadapi oleh parti itu dengan Istana Kelantan.

"Kalau dulu lagi mereka mengemukakan cadangan itu (pembentukan kerajaan campuran), ia boleh dianggap lebih ikhlas," katanya ditanya adakah Pas mahu mempergunakan Umno bagi mengatasi krisis dengan Istana.

Mengenai pelawaan Nik Aziz kepada Dr Mahathir untuk melawat negeri itu, Dr Mahathir menerima pelawaan itu tetapi dengan syarat jangan jadikannya sebagai satu isu politik.

"Bila saya ada masa lapang, saya akan lawat, tidak ada masalah, lawatan sebagai ketua kerajaan saya boleh pergi, tapi jangan jadikannya satu isu politik," katanya.

Sementara itu di JELI, Kelantan, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed turut menyambut baik cadangan Pas itu agar rakyat di

Kelantan tidak terus menanggung pelbagai masalah.

Bagaimanapun, beliau berkata kejujuran Pas dalam membuat cadang kerjasama itu masih belum terbukti lagi.

"Yang kita kesal Pas berkata ia akan bekerjasama dengan Umno tetapi pada sebelah malamnya mereka berceramah di sana sini mengutuk dan menuduh Umno dengan pelbagai cemuhan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung PIBG Sekolah Kebangsaan Jeli 1 di sini hari ini.

Mustapa, yang juga Anggota Parlimen Jeli, berkata prestasi kerajaan Barisan Nasional (BN) yang diterajui Umno dalam melaksanakan program-program Islam dan meninggikan syiar Islam begitu membanggakan dan tidak perlu diragui lagi oleh mana-mana pihak termasuk Pas.

-- BERNAMA

ZI AHH